

02

EDISI KEDUA



GSMfSr

BULETIN

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

www.kedah.uitm.edu.my JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Kunjungan oleh
Pro-Canselor UiTM
YBHG. Tan Sri
Dato' Seri Utama
(DR) Arshad Ayub
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018
Art Meet Science
Pensyarah FSSR pameran
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok
Berwajah Baru
oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Jurugambar
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

PENULIS

Shuhaila Md Shahid
Dr Faryna Mohd Khalis
En Zaidi Yusoff
Dr Nurul Ayn Sayuti
En Abdullah Kula
Dr Shafila Subri

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

PROGRAM PENANAMAN BAKAU BERSAMA

Raja Muda Kedah

oleh: Dr Nurul 'Ayn Ahmad Sayuti

Program Penanaman Bakau Bersama Raja Muda Kedah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Sultan Sallehuddin di Sungai Merbok telah berlangsung dengan jayanya. Seramai 120 orang pelajar dan staf Fakulti Seni Lukis & Seni Reka menyertai program yang julung – julung kalinya diadakan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan dan Lembaga Sumber Air Negari Kedah dan turut disertai oleh jabatan – jabatan kerajaan dan masyarakat setempat.

Penanaman semula bakau merupakan satu usaha untuk memelihara kawasan pesisir pantai dan sekitar sungai Merbok. Sungai Merbok merupakan kawasan Bio Sfera yang mendapat pengiktirafan UNESCO yang mana ianya kaya dengan sumber alam, flora dan fauna. Ia menjadi salah satu tumpuan pelancong dan seharusnya dilindungi kerana isu kemusnahan hutan paya laut boleh memberi kesan kepada ekosistem dan dengan penanaman semula pokok bakau dapat mengelakkan berlakunya bencana alam.

Diharapkan program ini dapat memupuk semangat toleransi dan kesedaran serta saling bantu membantu untuk menjaga alam sekitar terutamanya di sekitar daerah Merbok dan kawasan berhampiran UiTM Cawangan Kedah. Semoga program ini dapat dijalankan lagi di masa – masa yang akan datang.

